

>> **Proses pengambilan tanah Ampang Park yang dilakukan kerajaan adalah sah**

Biar mahkamah tentukan

■ MRT tolak dakwaan wujud isu seleweng pengambilan tanah pusat beli-belah Ampang Park

KRONOLOGI ISU PENGAMBILAN TANAH PUSAT BELI-BELAH AMPANG PARK

15 OKTOBER 2015

- Perjumpaan memaklumkan MRT Corp bercadang untuk merobohkan bangunan terbabit untuk projek stesen MRT jajaran SSP.
- Pihak pengurusan Ampang Park mencadangkan sesi perjumpaan dengan pemilik lot strata yang terdiri daripada 253 orang.

20 OKTOBER 2015

- Pemilik membantah bangunan itu dirobuhkan dan meminta MRT Corp mengubahsuai pelan lokasi stesen.
- MRT Corp bersetuju dan tampil dengan reka bentuk alternatif yang membabitkan pembinaan pejalan kaki bawah tanah.
- Namun, satu syarat paling penting untuk menjayakan cadangan ini ialah keperluan persetujuan 100 peratus semua pemilik lot strata pusat beli belah itu menurut keperluan undang-undang.

3 NOVEMBER 2015

- Perjumpaan sekali lagi dengan pemilik dan mereka mahu satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi memudahkan semua rundingan dan keputusan dibuat.

16 NOVEMBER 2015

- Mesyuarat pertama bersama jawatankuasa khas dibuat.
- Pada mesyuarat itu, pemilik berjanji akan menghantar keputusan akhir berhubung status tuntutan sebelum atau pada 31 Disember 2015.
- Tiada jawapan atau keputusan diberikan.

8 JANUARI 2016

- Seramai 39 pemilik lot strata memutuskan untuk ke mahkamah dan memfailkan semakan kehakiman terhadap projek berkenaan.

30 JUN 2016

- Mahkamah Tinggi membuat keputusan proses pengambilan tanah pusat beli belah Ampang Park yang dilakukan kerajaan adalah sah.

18 JANUARI 2017

- Mahkamah Rayuan menolak rayuan pemilik dan bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi.

Asmah Rusman
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menolak dakwaan segelintir pihak dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kononnya wujud penyelewengan berhubung isu pengambilan tanah pusat beli-belah Ampang Park bagi pembinaan stesen MRT jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Datuk Najmuddin Abdullah berkata, pelbagai kenyataan dilemparkan baru-baru ini sehingga menimbulkan kekeliruan yang mengakibatkan pemahaman salah.

"Pertama sekali, isu pengambilan tanah Ampang Park pada masa ini berada di mahkamah justeru pihak MRT Corp tidak boleh mengambil apa-apa langkah kecuali menunggu mahkamah membuat keputusan mengenai hal ini.

"Semakan kehakiman difailkan pada 8 Januari 2016 oleh 39 pemilik lot strata yang mencabar keputusan kerajaan untuk memiliki pusat beli-belah berkenaan," katanya dalam sidang media di Pejabat MRT Corp di sini, semalam.

Menurutnya, pada 30 Jun 2016, Mahkamah Tinggi membuat keputusan bahawa proses pengambilan tanah Ampang Park yang dilakukan kerajaan adalah sah.

"Bagaimanapun, pemilik membuat rayuan terhadap keputusan itu di Mahkamah Rayuan dan keputusan rayuan mereka ditolak," katanya.

Katanya, pemilik sekali lagi membuat rayuan terhadap keputusan berkenaan di Mahkamah Persekutuan dan sehingga kini keputusan berhubung tuntutan itu masih belum diketahui.

"Sebelum ini MRT Corp sudah memberi maklum balas dan dengan tegas kami menolak dakwaan wujudnya penyelewengan dalam projek ini.

"Sekiranya pihak yang mendakwa ada bukti dan tampil membuat aduan, kami bersedia memberikan kerjasama kepada agensi yang menjalankan siasatan itu," katanya.

Menjawab mengenai dakwaan kononnya MRT Corp tidak pernah berjumpa pemilik, Najmuddin berkata, selepas projek berkenaan mendapat kelulusan kerajaan, pihaknya sudah beberapa kali mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pemilik lot strata.

Beliau turut menjelaskan tindakan segelintir pihak dan NGO yang mengesyorkan supaya penjarangan dan penempatan semula Stesen MRT Ampang Park adalah tidak wajar.

"Banyak kajian mengenai projek ini dilakukan sebelum keputusan dibuat malah dalam sesi pemeriksaan awam yang dijalankan selama tiga bulan mendapati 90 peratus daripada 10,000 maklum balas yang diterima menyatakan sokongan terhadap cadangan ini.

"Stesen MRT Ampang Park bawah tanah perlu dibina untuk membolehkan integrasi yang sempurna antara MRT dengan Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Ampang Park aliran Kelana Jaya yang sedia ada," katanya.



Untuk video layari

www.hmetro.com.my/mymetrotv



"Kami tolak dakwaan wujudnya isu penyelewengan Najmuddin"